

B628
MAHATHIR-TAHANAN
(1)

1982

KUALA LUMPUR, 9 FEB. (BERNAMA)—KERAJAAN BELUM MENERIMA SEBARANG PERTANYAAN DARI APA YANG DIKENALI SEBAGAI JUARA-JUARA HAK ASASI MANUSIA SEJAK KERAJAAN MENAWARKAN KEPADA BADAN-BADAN ATAU INDIVIDU ANTARABANGSA MENGAMBIL ORANG-ORANG TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, SEBALIKNYA BEBERAPA ORANG TELAH MENGGUNAKAN TAWARAN ITU SEBAGAI ISU POLITIK TERHADAP PERAJAAN.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TIDAK BERMINAT DENGAN ORANG-ORANG ITU TETAPI KERAJAAN BERMINAT MENGENAI NASIB ORANG-ORANG TAHANAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMBUAT TAWARAN SEBAGAI JASABAIK KERAJAAN TERHADAP ORANG-ORANG TAHANAN ITU YANG TIDAK SUKA AKAN SISTEM DI NEGARA INI SUPAYA PERGI KE TEMPAT LAIN.

KATANYA, ORANG-ORANG ITU TELAH DITAHAN KERANA MEREKA MERUPAKAN ANCAMAN KEPADA MASYARAKAT.

+DALAM NEGERI INI, KEPENTINGAN MASYARAKAT MELEBIHI KEPENTINGAN

INDIVIDU DAN INDIVIDU HENDAKLAH MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN MASYARAKAT+, KATANYA.

+MASYARAKAT ITU BEBAS TETAPI BUKAN PARA INDIVIDU. INDIVIDU MUNGKIN AGUNG DI NEGARA-NEGARA LAIN TETAPI BUKAN DI SINI+, KATANYA.--BERSAMBUNG 1902/HM

B629
MAHATHIR-TAHANAN 2 KUALA LUMPUR

MENYENTUH LAPORAN SEBUAH AKHBAR MENGENAI SEKOLAH-SEKOLAH YANG TIDAK MEMPUNYAI PADANG-PADANG PERMAINAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KERANA BEBERAPA MASALAH, KERAJAAN MENDAPATI TIDAK MUNGKIN DAPAT DILENGKAPKAN SEMUA SEKOLAH DENGAN PADANG-PADANG PERMAINAN.

MASALAH-MASALAH ITU TERMASUK KESULITAN MENDAPATKAN TANAH DAN KEKURANGAN PERUNTUKAN YANG DIPERLUKAN BAGI PROJEK-PROJEK LAIN.

KATANYA, KERANA ITU MUNGKIN BEBERAPA BUAH SEKOLAH TERPAKSA BERKONGSI PADANG.

+WALAUPUN KERAJAAN INGIN MELIHAT SETIAP SEKOLAH MEMPUNYAI PADANG NYA SENDIRI, TETAPI DUKACITA INI TIDAK DAPAT DILAKUKAN+, KATANYA.

--BERNAMA 1095/HM